Kerajaan Malaysia lwn Cheah Foong Chiew dan Lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO S2-21-130 TAHUN 1991
WAN MOHAMED H
18 MEI 1993

Tort *— Kecuaian — Kontrak mengawasi dan menyelia bangunan — Perjanjian antara plaintif dan syarikat majikan defendan — Sama ada defendan ketiga mempunyai kewajipan berjaga-jaga kepada plaintif — Sama ada plaintif mempunyai kausa tindakan terhadap defendan ketiga*

Tort *— Kecuaian — Kontrak mengawasi dan menyelia bangunan — Plaintif mengalami kerugian besar bagi membaiki bangunan — Kerugian ekonomi tulen — Sama ada defendan ketiga boleh dikenakan liabiliti*

Plaintif menuntut ganti rugi am dan ganti rugi khas akibat daripada kecuaian defendan-defendan mengawasi dan menyelia bangunan-bangunan untuk plaintif yang dibina oleh Sri Kinabalu Sdn Bhd. Kesemua defendan adalah pekerja atau ejen syarikat juruperunding Sigoh Din Sdn Bhd yang bertanggungjawab mengawasi dan menyelia pembinaan tersebut. Plaintif mendakwa bahawa ketiga-tiga defendan telah gagal menjalankan tugas mengawasi dan menyelia pembinaan dan menyebabkan plaintif mengalami kerugian besar bagi membaiki bangunan-bangunan itu supaya dapat digunakan dengan selamat. Defendan ketiga memohon kepada mahkamah supaya tindakan plaintif dibatalkan atas alasan bahawa plaintif tiada kausa tindakan yang munasabah terhadapnya, dan tindakan plaintif mengaibkan, remeh dan menyusahkan, serta menyalahi proses mahkamah. Menurut defendan ketiga, beliau adalah seorang jurutera graduan yang diambil kerja oleh Sigoh Din Sdn Bhd dan tidak bertanggungjawab kepada plaintif kerana beliau hanya bekerja di bawah arahan dan jagaan syarikat itu, khususnya di bawah arahan defendan pertama dan kedua. Kontrak pengawasan dan penyeliaan adalah dibuat di antara Sigoh Din Sdn Bhd dan plaintif. Permohonan defendan ketiga telah dibicarakan oleh penolong kanan pendaftar dan perintah dibuat bahawa tindakan writ saman terhadap defendan ketiga itu dibatalkan.

Plaintif menegaskan bahawa defendan ketiga adalah pembantu jurutera penempatan yang merupakan pekerja atau ejen kepada Sigoh Din Sdn Bhd. Oleh itu defendan ketiga bertanggungjawab dan mempunyai kewajipan berjaga-jaga kepada plaintif. Walaupun defendan ketiga tiada mempunyai hubungan kontrak dengan plaintif, tindakannya adalah dalam perkara tort. Defendan ketiga menghujahkan bahawa plaintif tidak boleh menuntut di bawah tort kerana kerugian yang dialaminya adalah kerugian ekonomi semata-mata.

Diputuskan, menolak rayuan plaintif:

(1) Defendan ketiga hanya bertanggungjawab kepada syarikat Sigoh Din Sdn Bhd dan tidak bertanggungjawab kepada plaintif.

(2) Defendan ketiga bukannya ejen syarikat itu. Syarikat itu bertanggungjawab kepada plaintif sebagai jurutera perunding mengikut perjanjian khidmat perunding yang dibuatnya dengan plaintif.

(3) Kerugian plaintif adalah kerugian ekonomi tulen. Defenden ketiga tidak boleh dikenakan liabiliti di bawah tort kerana tiada orang lain yang tercedera atau harta kepunyaan orang lain yang rosak akibat perbuatan atau salah lakunya. Tidak munasabah seseorang pekerja, termasuk pekerja mahir yang bekerja di bawah seseorang atau syarikat pemborong binaan, bertanggungjawab kepada tuan ampunya bangunan atas kecuaian yang menghasilkan ketidak-sempurnaan bangunan tetapi tidak menyebabkan kecederaan kepada diri atau harta orang lain.

(4) Oleh kerana plaintif tiada mempunyai kausa tindakan terhadap defendan ketiga, maka hujah mengenai penyalahgunaan proses mahkamah tidak perlu dibahas dan dipertimbangkan.

[English summary

The plaintiff claimed general and specific damages resulting from the negligence of the defendants in superintending and supervising buildings constructed for the plaintiff by Sri Kinabalu Sdn Bhd. All the defendants were employees or agents of the consultant firm, Sigoh Din Sdn Bhd, which was responsible for superintending and supervising the construction. The plaintiff alleged that all three defendants had failed to carry out their duties to superintend and supervise the construction, causing the plaintiff to suffer substantial losses in repairing the buildings in order to make them safe for occupation. The third defendant applied to the court to strike out the plaintiff's action on the ground that the plaintiff had no reasonable cause of action against him, and that the plaintiff's action was scandalous, frivolous and vexatious, and was an abuse of the process of the court. According to the third defendant, he was a graduate engineer employed by Sigoh Din Sdn Bhd and was not responsible to the plaintiff because he was only working under the instruction and supervision of the firm, in particular under the instruction of the first and second defendants. The superintending and supervising contract was entered into between Sigoh Din Sdn Bhd and the plaintiff. The third defendant's application was heard by the senior assistant registrar and an order was made that the writ of summons issued against the third defendant be struck out.

The plaintiff asserted that the third defendant was an assistant resident engineer who was an employee or agent of Sigoh Din Sdn Bhd. Therefore, the third defendant was responsible and owed a duty of care to the plaintiff. Although the third defendant did not have any contractual relationship with the plaintiff, there was an action in tort.

A The third defendant argued that the plaintiff could not claim under tort because the loss suffered by him was a pure economic loss.

Held, dismissing the plaintiff's appeal:

(1) The third defendant was only responsible to the firm, Sigoh Din Sdn Bhd, and not to the plaintiff.

B (2) The third defendant was not an agent of the firm. The firm was responsible to the plaintiff as consultant engineers in accordance with the consulting services agreement entered into between them and the plaintiff.

(3) The loss suffered by the plaintiff was pure economic loss. The C third defendant could not be held liable under tort as there was no injury to any person or damage to the property of another as a result of his act or misconduct. It was not reasonable for an employee, including a skilled worker working under a person or a construction company, to be held liable to the owner of a building for his negligence which resulted in the non-completion of the D building but which did not cause injury to a person or to the property of another.

(4) Since the plaintiff had no cause of action against the third defendant, it was not necessary to argue and consider the contention that there was an abuse of the process of the court.]

E **Kes-kes rujukan**

1 *Anns & Ors v Merton London Borough Council* [1977] 2 All ER 492; [1978] AC 728; [1977] 2 WLR 1024 (dirujuk)

2 *Junior Books v Veitchi Co* [1983] AC 520; [1982] 3 All ER 201; [1982] 3 WLR 477 (dirujuk)

F 3 *Greater Nottingham Co-operative Society v Cementation Piling and Foundation Ltd* [1988] 2 All ER 971; [1988] 3 WLR 396 (dirujuk)

4 *Department of the Environment v Thomas Bates & Son* [1990] 2 All ER 943; [1991] 1 AC 499; [1990] 3 WLR 457 (dirujuk)

5 *D & F Estates Ltd v Church Commissioners for England* [1988] 2 All G ER 992; [1989] AC 177 (dirujuk)

6 *Murphy v Brentwood District Council* [1990] 2 All ER 908; [1991] 1 AC 398; [1990] 3 WLR 414 (diikuti)

7 *Nitrigin Eireann Teoranta v Inco Alloys Ltd* [1992] 1 All ER 852 (dirujuk)

8 *Government of Perak v Adams* (1924) 2 FMSLR 144 (dirujuk)

H 9 *Raja Mokhtar bin Raja Yaacob v Public Trustee, Malaysia* [1970] 2 MLJ 151 (dirujuk)

10 *Jamil bin Harun v Yang Kamsiah & Anor* [1984] 1 MLJ 217 (dirujuk)

11 *Lim Poh Choo v Camden and Islington Area Health Authority* [1980] I AC 174; [1979] 2 All ER; [1979] 3 WLR 44 (dirujuk)

12 *Low Kok Tong v Teo Chan Pan* [1982] 2 MLJ 299 (dirujuk)

13 *Gammell v Wilson & Anor* [1981] 1 All ER 578; [1982] AC 27; [1981] 2 WLR 248 (dirujuk)

14 *Chin Sin Motor Works Sdn Bhd & Anor v Arosa Development Sdn Bhd & Anor* [1992] 1 MLJ 23 (dirujuk)
15 *Hedley Byrne & Co Ltd v Heller & Partners Ltd* [1963] 2 All ER 575; [1964] AC 465; [1963] 3 WLR 101 (dirujuk)
16 *Hu Sepang v Keong On Eng & Ors* [1991] 1 MLJ 440 (dirujuk)
17 *The Attorney General, Malaysia v Chiow Thiam Guan* [1983] 1 MLJ 51 (dirujuk)
18 *Hashim bin Din v Sato Kogyo Co Ltd* [1988] 1 MLJ 527 (dirujuk)
19 *Zakaria bin Mohamed Esa v Dato Abdul Aziz bin Ahmad & Ors* [1985] 2 MLJ 222 (dirujuk)
20 *Veetak Enterprise Sdn Bhd v The Kuala Lumpur Finance Bhd* [1987] 1 MLJ 407 (dirujuk)
21 *Weller & Co v Foot & Mouth Disease Research Institute* [1966] 1 QB 569; [1965] 3 All ER 560; [1965] 3 WLR 1082 (dirujuk)
22 *Electrochrome Ltd v Welsh Plastics Ltd* [1968] 2 All ER 205 (dirujuk)
23 *Spartan Steel & Alloys v Martin & Co (Contractors) Ltd* [1973] QB 27; [1972] 3 All ER 557; [1972] 3 WLR 502 (dirujuk)

Umi Kalthum bte Abd Majid (*Jagjit Singh* bersamanya) (Peguam Kanan Persekutuan) bagi pihak plaintiff.

LB Tan (*Lee Azmi Ho Tan & Kandiah*) bagi pihak defendan ketiga.

Wan Mohamed H: Plaintif dalam kes ini membuat tuntutan ganti rugi am dan ganti rugi khas terhadap ketiga-tiga orang defendan yang tersebut di atas akibat daripada kecuaian defendan-defendan menjalankan tugas mengawasi dan menyelia bangunan-bangunan yang didirikan oleh sebuah syarikat pemborong binaan, Sri Kinabalu Sdn Bhd, untuk plaintif. Manakala defendan-defendan adalah pekerja dan/atau ejen kepada syarikat Sigoh Din Sdn Bhd yang dilantik menjadi juruperunding mengikut satu perjanjian khidmat perunding, yang di antara lain, bertanggungjawab untuk mengawasi dan menyelia pembinaan bangunan-bangunan yang berkenaan.

Defendan pertama adalah pengarah pentadbiran pembinaan, defendan kedua ialah jurutera penempatan (resident engineer), manakala defendan ketiga ialah pembantu (assistant resident engineer) kepada defendan kedua.

Plaintif mengatakan ketiga-tiga defendan telah gagal menjalankan tugas mereka mengawasi dan menyelia pembinaan yang dibuat oleh pemborong, oleh itu plaintif telah mengalami kerugian yang besar untuk membaiki bangunan-bangunan yang berkenaan supaya ianya dapat digunakan dengan selamat.

Defendan ketiga dalam kes ini, setelah memasuki kehadiran dan pernyataan pembelaan, membuat permohonan di bawah A 18 dan A 19, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, dan/atau di bawah kuasa mahkamah sedia ada (inherent power of the court) untuk membatalkan tindakan plaintif terhadapnya di atas alasan bahawa:

(a) tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan yang munasabah terhadap defendan ketiga; dan/atau
(b) mengaibkan dan/atau remeh dan/atau menyusahkan; dan/atau
(c) adalah suatu penyalahan proses mahkamah.

Permohonan ini telah disokong dengan afidavit dan dua afidavit lanjutan. Alasan-alasan yang diberi oleh defendan ketiga adalah seperti berikut:

Bahawa defendan ketiga adalah seorang jurutera graduan yang diambil kerja oleh syarikat jurutera perunding (Sigoh Din Sdn Bhd) dengan gaji sebanyak RM1,100 sebulan dan tidak bertanggungjawab kepada plaintif; tetapi hanya bekerja di bawah arahan dan jagaan syarikat jurutera perunding tersebut. Perjanjian pengawasan dan penyeliaan bangunan-bangunan yang berkenaan adalah di antara plaintif dengan syarikat jurutera perunding (Sigoh Din Sdn Bhd).

Peguam pihak plaintif telah menjawab atau membantah fakta-fakta yang diberi oleh defendan ketiga seperti yang tersebut di atas dengan mengatakan bahawa defendan ketiga, sebagai pembantu jurutera penempatan (assistant resident engineer), adalah pekerja dan/atau ejen kepada Sigoh Din Sdn Bhd dan mempunyai tugas dan tanggungjawab di atas kesempurnaan pembinaan bangunan-bangunan yang berkenaan. Dalam keadaan ini defendan ketiga bertanggungjawab dan berkewajipan berjaga-jaga kepada plaintif (owed a duty of care to the plaintif). Oleh itu patut dan wajar dijadikan defendan dalam tuntutan plaintif.

Defendan ketiga telah memasukkan afidavit lanjutan menafikan bahawa ianya (defendan ketiga) ejen kepada Sigoh Din Sdn Bhd dan beliau bekerja di bawah arahan defendan pertama dan defendan kedua. Beliau tidak pernah menghadiri sebarang mesyuarat di antara wakil pihak plaintif dengan wakil pihak syarikat pemborong binaan dan juga wakil pihak jurutera perunding (syarikat Sigoh Din Sdn Bhd). Di atas sebab-sebab yang tersebut di atas pihak plaintif tidak mempunyai kausa tindakan terhadap defendan ketiga.

Dalam affidavit lanjutan kedua defendan ketiga telah mengatakan bahawa kerugian yang didakwakan oleh plaintif adalah kehilangan ekonomi tulen (pure economic losses).

Permohonan defendan ketiga seperti yang tersebut di atas telah dibicarakan oleh penolong kanan pendaftar dan beliau telah membenarkan permohonan ini dan membuat perintah bahawa tindakan writ saman terhadap defendan ketiga dibatalkan. Di atas keputusan dan perintah ini pihak plaintif membuat rayuan kepada hakim dalam kamar.

Apabila rayuan ini dibawa ke hadapan hakim dalam kamar, kedua-dua pihak memasukkan hujah bertulis.

Hujah peguam pihak plaintif

Hujah bertulis peguam pihak perayu (plaintif) bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(1) Defendan ketiga (penentang) bukan hanya pekerja (servant) kepada Sigoh Din Sdn Bhd (syarikat jurutera perunding) bahkan beliau merupakan ejen kepada syarikat jurutera perunding itu di atas sebab-sebab seperti yang berikut:

(a) Penentang ialah seorang penolong jurutera tempatan yang ditugaskan oleh syarikat jurutera perunding untuk mengawasi dan

menyelia kerja-kerja yang dibuat oleh pemborong binaan, oleh itu beliau (penentang) adalah bertanggungjawab kepada plaintif.

(b) Penentang telah gagal atau cuai pada menjalankan tanggungjawabnya yang menyebabkan bangunan-bangunan yang berkenaan tidak sempurna dan yang mengakibatkan kerugian kewangan kepada plaintif.

(c) Sungguhpun penentang tiada hubung kontrak dengan plaintif, beliau bertanggungjawab kepada plaintif. Tindakan plaintif terhadap penentang ialah dalam perkara tort.

(2) Bahawa kerugian atau kehilangan ekonomi tulen yang dialami oleh plaintif juga mungkin diperolehi (recoverable). Rujukan dibuat kepada:

(i) Kes *Anns & Ors v Merton London Borough Council.*[1] Lihat juga pendapat Lord Wilberforce di ms 505:

> The damages recoverable include all those which foreseeably arise from the breach of the duty of care ... Subject always to adequate proof of causation, those damages may include damages for the personal injury and damage to property ... they may also include damage to the dwelling house itself, for the whole purpose of the byelaws in requiring foundations to be of certain standard is to prevent damage arising from weakness of the foundations which is certain to endanger the health or safety of occupants ... the relevant damage [to the house] is physical damage, and what is recoverable is the amount of expenditure necessary to restore the dwelling to a condition in which it is no longer a danger to the health or safety of persons occupying it and possibly (depending on the circumstances) expenses arising from necessary displacement.

(ii) *Junior Books v Veitchi Co.*[2]

Peguam pihak perayu (plaintif) juga telah memaklumkan mahkamah bahawa kes di United Kingdom akhir-akhir ini telah membuat pendapat yang berlainan. Kes-kes yang berkenaan ialah:

(a) *Greater Nottingham Co-operative Society v Cementation Piling and Foundation Ltd*[3] di ms 67.

(b) *Department of the Environment v Thomas Bates & Son*[4] di ms 88.

(c) *D & F Estates Ltd v Church Commissioners for England*[5] di ms 44.

(d) *Murphy v Brentwood District Council*[6] di ms 93.

(e) *Nitrigin Eireann Teoranta v Inco Alloys Ltd*[7] di ms 129.

(3) Peguam pihak perayu (plaintif) juga menghujahkan bahawa High Court Malaya tidak termestinya mengikuti pendapat atau keputusan mahkamah-mahkamah di England; atau mengikuti 'common law of England'. Rujukan dibuat kepada s3(1)(a) dan (2) Civil Law Act 1956. Rujukan juga dibuat kepada kes *Government of Perak v Adams*[8] dan pendapat Raja Azlan J dalam kes *Raja Mokhtar bin Raja Yaacob v Public Trustee, Malaysia*[9] dan kes *Jamil bin Harun v Yang Kamsiah & Anor.*[10] Pemerhatian oleh Lord Scarman:

> ... it is for the courts in Malaysia to decide, subject always to the statute laws of the Federation, whether to follow English law. Modern English authorities

A may be persuasive, but are not binding. In determining whether to accept their guidance the courts will have regard to the circumstances of the states of Malaysia and will be careful to apply them only to the extent that the written law permits and no further than in their view it is just to do so.

Di antara lain-lain kes yang dirujukkan oleh peguam pihak perayu
B (plaintif) yang juga telah diberi perhatian adalah seperti berikut:

(a) *Lim Poh Choo v Camden and Islington Area Health Authority.*[11]
(b) *Low Kok Tong v Teo Chan Pan.*[12]
(c) *Gammell v Wilson & Anor.*[13]
(d) *Chin Sin Motor Works Sdn Bhd & Anor v Arosa Development Sdn*
C *Bhd & Anor.*[14]

(4) Bahawa polisi tempatan patut diambilkira untuk membuat keputusan sama ada seseorang yang cuai menjalankan tugasnya bertanggungjawab di atas kehilangan ekonomi tulen kepada tuan ampunya sesuatu premis yang didirikan. Peguam pihak perayu (plaintif) menyarankan mahkamah
D di Malaysia mengenakan tanggungjawab ke atas semua yang terlibat dalam pembinaan bangunan yang menyebabkan tuan ampunya bangunan itu menanggung kerugian ekonomi/kewangan, terutama pihak-pihak yang mempunyai profesyen.

(5) Peguam pihak perayu (plaintif) juga menghujahkan bahawa sekiranya
E mahkamah ini berpendapat kerugian ekonomi tulen tidak mungkin diperolehi di bawah tuntutan tort maka mahkamah disarankan supaya tuntutan plaintif diterima sebagai pengecualian daripada kaedah am dalam kes *Hedley Byrne & Co Ltd v Heller & Partners Ltd,*[15] dan di ms 594, Lord Morris berkata, di antara lain:

F ... it should now be regarded as settled that if someone possessed of a special skill undertakes, quite irrespective of contract, to apply that skill for the assistance of another person who relies on such skill, a duty of care will arise.

(6) Peguam pihak plaintif mengatakan bahawa kausa tindakan yang berbangkit daripada tuntutan plaintif adalah satu perkara berkenaan
G dengan soal undang-undang yang serius dan yang melibatkan soal perwakilan (agency) dan kerugian ekonomi tulen. Oleh itu tidak boleh dibatalkan di bawah A 18 k 19 bahkan perlu dibahas atau dihujahkan di bawah A 33 k 2. Untuk hujah ini peguam pihak plaintif merujuk kepada kes-kes yang berikut :

H (a) *Hu Sepang v Keong On Eng & Ors.*[16]
(b) *The Attorney General, Malaysia v Chiow Thiam Guan.*[17]
(c) *Hashim bin Din v Sato Kogyo Co Ltd.*[18]
(d) *Zakaria bin Mohamed Esa v Dato Abdul Aziz bin Ahmad & Ors.*[19]
(e) *Veetak Enterprise Sdn Bhd v The Kuala Lumpur Finance Bhd.*[20]

I *Hujah peguam pihak penentang (defendan)*

Peguam pihak penentang (defendan) telah membuat hujah bertulis yang boleh diringkaskan seperti berikut:

(1) Bahawa perayu (plaintif) tidak boleh menuntut melalui tort terhadap penentang (defendan) untuk kerugian ekonomi tulen (pure economic loss). Rujukan dibuat kepada:

(i) *Keating on Building Contracts* di ms 167, menyatakan:

> The loss sustained by a building owner from an ordinary building defect is the cost of rectifying the defect. This is economic loss and is ordinarily irrecoverable in tort.

(ii) Kes *Department of the Environment v Thomas Bates & Son*,[4] di mana House of Lords membuat keputusan seperti berikut :

> A builder was not liable in tort for the cost of remedying defects in a building in order to make it safe and suitable for its intended purpose where there is no damage to the building and no imminent danger to personal safety and health. The loss suffered by the plaintiffs in carrying out the remedial work to the concrete pillars was purely economic loss and as such was not recoverable, because at the time the work was carried out the building was not unsafe by reason of defective construction but merely suffered from a defect in quality which made the plaintiffs' lease less valuable than it would otherwise have been, in that the building could not be loaded up to its design capacity unless any occupier who wished to do so incurred the expenditure necessary to strengthen the pillars.

(iii) Kes *Nitrigin Eireann Teoranta v Inco Alloys*,[7] Lord Justice May membuat pendapat berkenaan dengan paip yang retak seperti berikut:

> The plaintiff's cause of action in negligence against the defendants did not arise in 1983 when the cracking of the pipe occurred since the cracking was simply damage to the pipe itself constituting a defect of quality resulting in economic loss irrecoverable in negligence.

(iv) Kes *D & F Estates Ltd v Church Commissioners for England.*[5]

(2) Bahawa nas-nas (authorities) yang dikemukakan oleh pihak perayu (plaintif) — *Anns v Merton LBC*[1] dan *Junior Books v Veitchi*[2] — yang menyatakan bahawa kerugian ekonomi tulen boleh didapati mengikut tort telah dihapuskan oleh House of Lords dalam kes *Murphy v Brentwood DC*,[6] dan lain-lain kes kemudian daripada keputusan dalam kes *Murphy v Brentwood DC*[6] telah ikut membuat keputusan berlawanan dengan kes *Anns v Merton*,[1] iaitu kerugian/kehilangan ekonomi tulen tidak boleh mendapat ganti rugi (irrecoverable) dalam tort.

Lain-lain kes yang dirujukkan oleh peguam pihak penentang (defendan) untuk menguatkan hujahnya adalah seperti berikut:

(a) *Weller & Co v Foot & Mouth Disease Research Institute.*[21]
(b) *Electrochrome Ltd v Welsh Plastics Ltd.*[22]
(c) *Spartan Steel & Alloys v Martin & Co (Contractors) Ltd.*[23]

(3) Bahawa pemakaian atau penerimaan mengenai keputusan kes-kes tort yang dibuat di England oleh mahkamah di Malaysia adalah satu perkara yang biasa dan tidak boleh disangkal lagi. Pendapat-pendapat seperti

yang di 'quote' oleh peguam pihak perayu (plaintif) adalah memihak kepada penentang (defendan).

(4) Bahawa soal polisi juga memihak kepada penentang (defendan) oleh kerana amalan yang digunakan dalam industri pembinaan dicedok atau ditiru daripada amalan di England dan kebanyakan daripada jurutera-jurutera mendapat latihan daripada England, maka polisinya juga adalah sama.

(5) Pihak plaintif bukannya tidak mempunyai jalan untuk mendapat ganti rugi berkenaan dengan kerugian yang dialami oleh kerana pemborong bangunan (building contractor) dan syarikat jurutera perunding yang ditugaskan untuk mengawasi pembinaan bangunan yang berkenaan sepatutnya dipersalahkan dan ganti rugi boleh dituntut daripada mereka.

(6) Bahawa penentang (defendan) ialah seorang pekerja yang diambil kerja oleh syarikat jurutera perunding yang ditugas untuk mengawasi pembinaan bangunan yang berkenaan. Beliau hanya bertanggungjawab kepada majikannya dan tidak kepada perayu (plaintif), tuan ampunya projek bangunan tersebut. Beliau tidak boleh didakwa oleh perayu (plaintif) di bawah tort walaupun beliau didapati tidak menjalankan tugasnya dengan sempurna melainkan jika ianya menyebabkan kecederaan kepada seseorang atau harta orang lain.

(7) Bahawa dalam kes di hadapan mahkamah ini sekarang tidak timbul soal 'misstatement'. Oleh itu soal kecuaian membuat 'statement' yang salah atau silap tidak patut dibangkitkan. Lagipun pihak perayu (plaintif) telah tidak membangkit soal ini dalam pernyataan tuntutannya.

Pendapat mahkamah

Setelah menghalusi dan meneliti kesemua afidavit yang dimasukkan oleh kedua-dua pihak dengan merujuk kepada pernyataan tuntutan dan pernyataan pembelaan, dan membaca hujah-hujah bertulis yang disampaikan oleh peguam pihak perayu (plaintif) dan peguam pihak penentang (defendan), termasuk semua kes-kes dan lain-lain nas yang dirujukkan oleh kedua-dua pihak, hakim dalam kamar menolak rayuan pihak plaintif dengan alasan bahawa plaintif tidak mempunyai kausa tindakan terhadap defendan ketiga. Keputusan ini berdasarkan kepada perkara-perkara dan pendapat seperti berikut:

(1) Defendan ketiga sebagai pekerja di bawah syarikat jurutera perunding, Sigoh Din Sdn Bhd hanya bertanggungjawab kepada syarikat tersebut dan tidak bertanggungjawab kepada plaintif.

(2) Defendan ketiga bukannya ejen kepada syarikat Sigoh Din Sdn Bhd. Syarikat ini bertanggungjawab kepada plaintif sebagai jurutera perunding mengikut perjanjian khidmat perunding yang dibuat di antaranya dengan plaintif.

(3) Kerugian yang dialami oleh plaintif adalah kerugian atau kehilangan ekonomi tulen (pure economic losses), dan defendan ketiga tidak boleh dikenakan tanggungan (liability) di bawah tort di atas kerugian yang dialami oleh plaintif dalam kes ini oleh kerana tiada siapapun yang cedera atau tiada harta kepunyaan orang lain rosak akibat daripada

perbuatan atau salahlaku oleh defendan ketiga. Keputusan yang dibuat oleh Dewan Pertuanan (House of Lords) dalam kes *Murphy v Brentwood DC*[6] dan lain-lain kes lagi yang membuat keputusan yang sama, adalah sangat munasabah, berpatutan dan sepatutnya diterima sehingga bila-bila masapun. Mahkamah di negara ini menerima keputusan dan pendapat itu dan tiada kemungkinan membuat pendapat yang berlainan, walaupun apa yang dikatakan oleh peguam pihak plaintif bahawa keadaan di Malaysia berlainan dengan keadaan di United Kingdom. Hakim dalam kamar ini juga berpendapat bahawa adalah tidak berpatutan dan tidak munasabah jika pekerja-pekerja, termasuk juga pekerja mahir yang bekerja di bawah seseorang atau syarikat pemborong binaan, bertanggungan (liable) kepada tuan ampunya bangunan yang berkenaan di atas kecuaian yang membawa kepada ketidaksempurnaan bangunan yang berkenaan asalkan ianya tidak menyebabkan kecederaan kepada diri seseorang atau harta benda orang lain.

(4) Bahawa dalam konteks kes ini defendan ketiga sebagai pekerja di bawah syarikat Sigoh Din Sdn Bhd tidak bertanggungjawab kepada plaintif berkenaan 'duty of care' dan tiada kesilapan atau kecuaian pada memberi 'statement' (misstatement) atau nasihat kepada plaintif.

(5) Oleh kerana mahkamah berpendapat bahawa plaintif tidak mempunyai kausa tindakan terhadap defendan ketiga, maka hujah-hujah berkenaan dengan penyalahgunaan proses mahkamah dan lain-lain tindakan tidak perlu dibahas dan dipertimbangkan.

(6) Mahkamah juga berpendapat bahawa tiada isu yang perlu dibicarakan di bawah A 33 k 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Rayuan plaintif ditolak dengan kos.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Dr A Mohaimin Ayus